

PROSEDUR/GARIS PANDUAN MENGENAI PENDAFTARAN PERNIAGAAN

CARA MENDAFTAR PERNIAGAAN

MENDAFTAR PERNIAGAAN BARU

Perniagaan ditakrifkan sebagai setiap bentuk perdagangan, pertukangan, pekerjaan, profesyen atau aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan bagi maksud mendapatkan keuntungan. Perniagaan yang boleh didaftarkan bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 di Suruhanjaya:

1. **Perniagaan Milik Tunggal** - perniagaan dimiliki sepenuhnya oleh seorang pemilik.
2. **Perniagaan Perkongsian** - perniagaan dimiliki 2 orang atau tidak lebih daripada 20 rakan kongsi.

PROSEDUR PENDAFTARAN

1. Terlebih dahulu dapatkan kelulusan nama perniagaan yang dicadangkan daripada Suruhanjaya.
2. Lengkapkan Borang A (Pendaftaran Perniagaan) dan kembalikan dalam tempoh 21 hari dari tarikh kelulusan nama perniagaan. Isi maklumat berikut dalam Borang A:
 - Maklumat mengenai pemohon
 - Tarikh perniagaan bermula
 - Cawangan perniagaan
 - Jenis perniagaan
3. Setiap pemilik mesti menandatangani Borang A yang lengkap di hadapan Pegawai Pengesah yang disebut dalam borang.

PANDUAN AM

1. Warganegara dan penduduk tetap berumur 18 tahun ke atas boleh mendaftar perniagaan.
2. Daftarkan perniagaan dalam tempoh 30 hari dari tarikh perniagaan.
3. Perniagaan yang didaftarkan tidak menyalahi undang-undang.
4. Kemukakan kelulusan khusus seperti permit, lesen, surat kebenaran atau sokongan apabila mendaftar perniagaan yang memerlukan persetujuan khas atau kebenaran.
5. Kemukakan sendiri permohonan pendaftaran di pejabat Suruhanjaya yang terdekat atau hantar menerusi pos.
6. Sertakan dokumen berikut:
 - Salinan Kad Pengenalan
 - Salinan Perjanjian Perkongsian (jika ada)
 - Permit, Lesen, Surat Kebenaran atau Surat Sokongan dari agensi lain (jika ada)

BAYARAN PENDAFTARAN

1. Perniagaan milik tunggal menggunakan nama peribadi mengikut kad pengenalan – RM30.00
2. Perniagaan milik tunggal dan Perkongsian menggunakan nama dagang - RM60.00
3. Pendaftaran Cawangan – RM5.00 setiap cawangan
4. Salinan sah Maklumat Perniagaan Baru – RM10.00

Pemilik Perniagaan bertanggungjawab memperbaharui Perakuan Pendaftaran Perniagaan dalam tempoh 30 hari sebelum tamat tempoh sah laku.